

17/04/1997

Dr Mahathir lancar Hari Guru Kebangsaan

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkan sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan tahun ini yang akan diadakan di Kuantan, pada 16 Mei depan.

Perdana Menteri pernah melancarkan sambutan yang diadakan antara lain bertujuan mengenang dan menghargai jasa masyarakat pendidik di Alor Star pada 1994.

Tahun lalu dan 1995, sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan yang masing-masing diadakan di Kuala Terengganu dan Johor Bahru dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Jurucakap Jawatankuasa Hari Guru Kebangsaan, berkata pelbagai anugerah akan disampaikan sempena pelancaran itu, termasuk Tokoh Guru Kebangsaan, Guru Inovatif, Guru Cemerlang Pendidikan Khas dan Sekolah Harapan Negara.

Tema pilihan sambutan Hari Guru kali ke-26 itu ialah "Guru Bestari Sekolah Bestari" yang antara lain bermatlamat memastikan sistem pendidikan negara dapat memainkan fungsi sejajar arus perdana.

Bagi menjayakan sambutan Hari Guru buat kali keempat diadakan di luar Kuala Lumpur itu, pelbagai persiapan dijalankan, terutama aspek persembahan pada hari pelancaran.

"Persembahan pada hari pelancaran nanti disifatkan berbeza berbanding sebelum ini. Ia selaras tema Hari Guru tahun ini," katanya kepada Berita Harian.

Sementara itu, jurucakap Jawatankuasa Pengelola Majlis Pelancaran Hari Guru Kebangsaan, pula berkata secara keseluruhan ia menggabungkan tiga suasana dalam satu persembahan.

Menurutnya, persembahan peringkat pertama, termasuk dalam bentuk pantomin itu akan menggambarkan "arkitek bangsa" dengan menampilkan pelbagai usaha dan sumbang bagi meningkatkan mutu pendidikan negara.

"Kita akan tonjolkan sumbangan itu mengikut tempoh. Bermula dengan Tun Abdul Razak hinggalah Menteri Pendidikan sekarang. Bahagian kedua adalah kesinambungannya.

"Sesuai dengan tumpuan sekarang, bahagian kedua diisi dengan persembahan multimedia yang antara lain memfokuskan matlamat yang hendak dicapai selaras tema Hari Guru tahun ini," katanya.

Jurucakap itu berkata, pendedahan yang lebih jelas berhubung tema akan digambarkan dalam bahagian kedua ini, termasuk menjelaskan keadaan murid, guru, sekolah dan masyarakat bestari.

Menurutnya, melalui persembahan multimedia itu beberapa aspek lain turut digambarkan, termasuk fungsi yang perlu dimainkan masyarakat bagi menjayakan matlamat Guru Bestari Sekolah Bestari itu.

Katanya, selain pendekatan berbeza, persembahan tahun ini dijangka menarik kerana hadirin yang menyertai perhimpunan itu secara tidak langsung menjadi sebahagian daripada peserta persembahan.

"Ini akan dilakukan di peringkat ketiga persembahan, terutama acara nyanyian beramai-ramai. Harapan kita persembahan ini bukan saja menarik, malahan membabitkan penyertaan ramai," katanya.

(END)